

Sebelum anda terus membaca artikel ini saya berharap supaya anda membuka fikiran anda seluasnya. Tujuan saya terbitkan artikel ini adalah untuk mencerahkan apa yang sebelum ini gelap dan diikuti oleh ramai dari kita semua tanpa mereka sedari. Semoga apa yang dipaparkan akan membuka minda anda.

Terima kasih kepada [Free Our Mind](#), penulis asal artikel ini atas usaha mereka mendedahkan konspirasi-konspirasi jahat yang dilakukan oleh musuh-musuh kita untuk membawa kita kepada kesesatan.



Manchester United dan AC Milan. Siapa yang tidak kenal dengan pasukan bola sepak tersebut. Mereka memang hebat di gelanggang dan memiliki barisan pemain yang handal serta sumber kewangan yang kukuh. Mereka telah beberapa kali berjaya memenangi piala samada di kancah negara mereka (England dan Italy), di pentas benua Eropah dan di pentas kejohanan kelab-kelab dunia. Kedua-dua kelab berkenaan mempunyai penyokong dari serata dunia hatta di Malaysia juga.

Namun di sebalik nama dan pencapaian hebat mereka di persada dunia dan memiliki sokongan tak berbelah-bahagi dari penyokong mereka di seluruh dunia, tersimpan pelbagai unsur-unsur **kesyaitanan, masonik dan kawalan minda (mind control)**. Dana kelab-kelab berkenaan yang terlalu banyak menjadi misteri kerana dikaitkan dengan **Freemason** yang membiayai kelab-kelab tersebut. Pemilik Manchester United, **Malcom Glazer merupakan seorang warga Amerika Syarikat yang berbangsa Yahudi yang sangat memusuhi Islam. Dia dikatakan membiayai sebuah pertubuhan Yahudi di Israel yang bertujuan membela pendatang-pendatang haram Yahudi di Palestine.** Manakala AC Milan diterajui oleh **Perdana Menteri Italy, Silvio Berlusconi yang merupakan seorang Mason (ahli Freemason).**



Malcolm Glazer

Kedua-dua kelab mempunyai persamaan dari segi logo dan warna tema mereka yang menyimpan pelbagai unsur Masonik, Kesyaitanan dan kawalan minda. Kedua-dua kelab memilih warna merah sebagai warna tema mereka di mana di dalam kepercayaan **puak kafir penyembah syaitan**, warna merah melambangkan 'warna rasmi' bagi syaitan itu sendiri. Di dalam teori tenaga, pada waktu hampir dengan senja, frekuensi cahaya merah sangat tinggi dan kita dinasihatkan agar tidak membiarkan anak-anak kita berkeliaran di luar rumah pada waktu senja kerana banyaknya syaitan yang berkeliaran pada waktu senja.

Dan **kita juga tidak digalakkan tidur pada waktu selepas Asar kerana akan menyebabkan kelembapan otak dan kegilaan kerana dikatakan frekuensi tenaga cahaya merah sangat tinggi menjelang senja**, dan menurut seorang pengamal perubatan Islam, Al-Banna Solution di Putatan Sabah, - **tidak elok untuk kita melihat cermin (bercermin) pada waktu Asar hingga ke malam**. Kenapa? Aku pun tak tahu, sebab aku tak sempat tanya.



Kedua-dua kelab ini juga mempunyai logo yang menyerupai sebiji mata, di mana mata dikaitkan dengan unsur All Seeing Eye, Eye of Horus atau Mata Dajjal. Lambang mata satu ini juga terdapat pada not USD 1, matawang Amerika Syarikat. Cuba perhatikan betul-betul pada kedua-dua logo ini di bawah:



perhatikan garis hijau yg membentuk mata dan perkataan united dibawahnya. **United** under the one eye?/ bersatu di bawah mata satu?



the one eye of Ra



the Sun God (the all-seeing eye)

Pada logo Manchester United, terdapat satu '**devil**' yang sedang memegang '**garfu**' yang memang diketahui lambang tersebut adalah lambang syaitan. Perkataan '**Red Devil**' (**syaitan merah**) juga sesuai digunakan untuk menerangkan lambang berkenaan dan turut digunakan oleh Manchester United selain MUFC, Man Utd, Man U dan MU bagi melambangkan kelab berkenaan. Dua garisan merah di atas dan bawah logo dusatukan oleh dua biji bola yang terdapat di logo berkenaan membentek sebiji mata yg dikatakan oleh pengkaji konspirasi sebagai **mata Ra** atau **Amon-Ra** yang merupakan **Tuhan Matahari** bagi masyarakat **Mesir Purba**.

Pada logo Manchester United terdapat sebanyak lebih kurang sebanyak **lima NOMBOR 13**, secara jelas atau tersirat jikalau diperhatikan secara teliti. Angka **13** merupakan angka yang melambangkan '**angka sial**' bagi masyarakat Eropah dan juga **melambangkan nombor kesukaan syaitan bagi para penyembah syaitan**. Jikalau anda dapat melukiskan seperti di bawah pada logo ini maka anda akan mendapati satu pentagram, bintang berbucu 5 yang terbalik yang merukan bintang yang melambangkan **Baphomet**, syaitan berkepala kambing yang disembah oleh para Mason peringkat tinggi. Dan bucu yang melambangkan Baphomet (bucu bawah), ia menghala ke perkataan UNITED seolah-olah menyuruh para penyokong MUFC bersatu di atas nama Baphomet.



Perkataan **MASON** boleh didapati secara tersembunyi dan tersirat pada logo ini. Selain itu, selalunya Manchester United dibahasakan sebagai MAN U di mana Manu merupakan Dewa bagi masyarakat Hindu. Sekali lagi unsur agama paganisme selain Ra diterapkan dalam logo ini. Perkataan MAN U itu jikalau ditambahkan setiap angka yang mewakili huruf tersebut, kita akan dapati angka 13 pada hasil tambah akhir nombor berkenaan.

Contoh:

**M=13**

**A=1**

**N=14**

**U=21**

**1+3+1+1+4+2+1=13**

Jika kita abaikan **MA** pada Manchester (yang mana **MA** bermaksud **MASON**) huruf **N,C, H,E,S,T,E,R** juga boleh mendapat angka kesukaan penyembah syaitan.

**E dan R**

**E=5,**

**R=18**

**18-5=13**

**N,C,H,E,S,T**

**N=14**

**C=3**

**H=8**

**E=5**


**S=19**

**T=20**

**1+4+3+8+5+1+9+2+0=33**

No **33** adalah angka kesukaan penyembah syaitan. Selain itu juga ia merupakan darjat tertinggi dalam Freemason di mana ahli yang ada darjat **33**, menyembah syaitan dalam ritual mereka.

AC Milan pula tidak kurang hebatnya unsur Masonik, kesyaitanan dan kawalan minda pada logo mereka. Satu salib yang terdapat pada logo berkenaan jelas menggambarkan salib Knight Templar. **Apa beza salib Kristian dan salib Knight Templar?** Salib Kristian persilangan dua batang tersebut tidak berada di tengah-tengah batang yang panjang sebaliknya pada bahagian bawah persilangan lebih panjang dari bahagian atas. Salib Knight Templar pula kedua-dua persilangan berada pada tengah-tengah setiap batang. Cuba perhatikan di bawah salib para Knights of Templar dan salib Kristian:



Salib Templar



Salib Kristian





Salib Templar di Logo AC Milan

Knights of Templar merupakan satu pasukan askar yang sangat kejam yang menyembelih seluruh umat Islam semasa mereka menawan Baitulmuqaddis. Mereka merupakan penyembah Baphomet dan syaitan yang mengamalkan ajaran Kabbalah, ajaran kesihiran dan kesyaitanan. Para Knights of Templar juga adalah asas bagi pertubuhan Freemason moden.

Pada logo berkenaan juga terdapat 1899 yang mungkin kita faham sebagai tahun penubuhan kelab berkenaan. Namun sebaliknya secara tersiratnya jikalau 1 dan 8 ditambahkan akan membentuk 9 dan jika 9 berkenaan digabungkan dengan 99 yang ada dan diterbalikkan, hasilnya angka 666 yang mana angka **666** adalah angka '**Lambang Raksasa**', **Mark of Beast** atau **angka kejahatan**. Pada logo AC Milan juga jikalau salib berkenaan disifatkan sebagai X dan dicampurkan dengan belang-belang yang terdapat di sebelah X berkenaan akan membentuk XIII yang mana angka 13 juga terpakai pada logo ini. Tidak cukup lagi, huruf ACM pada logo berkenaan jikalau dimainkan nombornya:

**A=1 C=3 M=13** akan membentuk **13,13** dimana angka **13** berulang sangat disukai para penyembah syaitan.



Secara umumnya para penyokong kelab-kelab berkenaan jikalau kita perhatikan sejarah perlawanan mereka, mereka gemar bergaduh dengan para penyokong kelab lain. Mereka juga gemar merosakkan harta benda awam dan melakukan vandalisme.

## Konspirasi Bola Sepak Dunia

Para penyokong kelab-kelab ini juga samada di Eropah atau di Malaysia sangat taksub dengan kelab ini sehinggakan sanggup berbelanja lebih untuk membeli cenderahati, melanggan ASTRO dan melepak di kedai makan semata-mata menonton kelab kegilaan mereka.



Lagi sedih, ada yang memakai tanduk ala 'Devil' semata-mata menunjukkan sokongan mereka yang tidak berbelah bahagi. Mereka juga sanggup menghabiskan masa terluang semata-mata menonton pasukan kesayangan mereka sehinggakan terlepas solat Maghrib (ada perlawanan dijalankan pada waktu Maghrib di Malaysia) dan bersengkang mata sehinggakan terlepas solat Subuh akibat menonton perlawanan larut malam. Dajal lebih mengetahui diri kita lebih dari kebanyakan dari kita tahu dan dia menggunakannya untuk melemahkan kita. Dan dia menggunakan kelemahan kita ini untuk merosakkan jiwa kita tanpa kita sedar.

Adakah ini yang mahu anda jadikan sebagai pujaan? Sedarkah kita semua menghabiskan banyak duit dengan membeli jersi-jersi yang mempunyai lambang-lambang mereka ini? Tidak kurang mereka yang memakainya ketika solat. Mereka sesungguhnya tidak akan berputus asa menjauhkan kita dari maha pencipta, Allah s.w.t. Dan sedarkah anda sepanjang anda menyokong, memuja mereka anda telah memuja syaitan dan telah menduakan Allah?

Tidak diakui lagi? Lihat persamaan ketara ini pula:



## Konspirasi Bola Sepak Dunia

Bukankah muka SETAN di logo Man U hampir sama dengan muka Baphomet dan pentagram tersebut? Lihat bagaimana 'dia' tersenyum kepada kita yg menyokong dia.



Bagaimana pula dgn yg ini? Adakah ini gambar singa seperti yg anda fikirkan? Adakah ini singa jantan? Tidak. Ini adalah seekor singa betina kerana singa jantan mempunyai 'mahkota' iaitu rambutnya dan singa di logo Chelsea ini tidak. Kenapa singa betina? Kerana ini :



Ini adalah Firaun 'singa betina' Tefnut. Inilah apa yg diletakkan didada kita sebenarnya. Bukan seekor singa garang spt yg mulanya kita fikirkan.





Checked floor



Masonic/Kabalistic Moon and Star



Fleur-de-lis, symbol kerajaan-kerajaan lama eropah terutamanya Perancis dan juga symbol kpd Priory of Sion



priory of sion



Mahkota di atasnya yg mempunyai salib adalah sama seperti St Thomas' Cross yg menjadi symbol St Thomas Christians (Nasrani Menorah)

Selama kita memakai PAKAIAN MEREKA selama itulah kita membawa gambar firaun, iblis, syaitan dan keturunannya dan lambang-lambang lain yg memuja mereka

قَالَ رَبِّ بِمَا أَغْوَيْتَنِي لَأُزَيِّنَنَّ لَهُمْ فِي الْأَرْضِ  
وَلَأُغْوِيَنَّهُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٣٩﴾

Iblis berkata: "Ya Tuhanku, oleh sebab Engkau telah memutuskan bahawa aku sesat, pasti aku akan menjadikan mereka memandang baik (perbuatan maksiat) di muka bumi, dan pasti aku akan menyesatkan mereka semuanya - *Surah Al-Hijr: 39*

إِلَّا عِبَادَكَ مِنْهُمُ الْمُخْلَصِينَ ﴿٤٠﴾

Kecuali di antara zuriat-zuriat Adam itu hamba-hambaMu yang dibersihkan dari sebarang syirik - *Surah Al-Hijr: 40*

Rasulullah berpesan: "Berwaspadalah terhadap syaitan demi keselamatan agama kamu. Dia telah berputus asa untuk menyesatkan kamu dalam perkara-perkara besar, maka berjaga-jagalah supaya kamu tidak mengikutnya dalam perkara-perkara kecil".

sumber: [Free Our Mind](http://Free Our Mind)